# MAKLUMAT PROGRAM SARJANA MUDA SASTERA
# KESUSASTERAAN KONTEMPORARI DAN PENGURUSAN INDUSTRI KREATIF (DENGAN KEPUJIAN)
# *[B.A (HONS.) IN CONTEMPORARY LITERATURE AND CREATIVE INDUSTRY MANAGEMENT]*
**UNIT BAHASA, SASTERA DAN BUDAYA MELAYU**
**JABATAN PENGAJIAN BAHASA**
**PUSAT PENGAJIAN BAHASA, TAMADUN DAN FALSAFAH**
**UNIVERSITI UTARA MALAYSIA**

## LATAR BELAKANG DAN SEJARAH PENGGUBALAN PROGRAM

Program Sarjana Muda Sastera Kesusasteraan Kontemporari dan Pengurusan Industri Kreatif (dengan kepujian) digubal selari dengan hasrat Universiti Utara Malaysia (UUM) untuk menubuhkan Pusat Pengajian Bahasa, Tamadun dan Falsafah pada tahun 2016. Kesesuaian program dibangunkan selari dengan visi, misi dan matlamat universiti serta aspirasi negara dan kepentingan global berdasarkan bidang tujahan universiti iaitu keusahawanan dan pengurusan maklumat dan media.Berbekalkan *niche area* UUM sebagai sebuah universiti pengurusan, misi dan visi program sarjana muda ini direka untuk melahirkan sarjana kesusasteraan kontemporari yang berkebolehan dalam penghasilan produk kesusasteraan dan berkemahiran dalam pengurusan industri kreatif sebagai penghasil, pengurus dan pentadbir produk kreatif menggunakan kemahiran teknologi dan pengurusan untuk pembangunan industri kreatif.

Program ini adalah berdasarkan tiga matlamat utama, iaitu:

i- Menghasilkan graduan yang kreatif dan inovatif dalam pembangunan ilmu kesusasteraan dan industri kreatif negara selaras dengan misi, visi, matlamat universiti, aspirasi negara dan global bagi melahirkan pelajar yang mempunyai akses, kualiti, ekuiti, perpaduan dan kecekapan yang merentas semua peringkat pendidikan.

ii- Melahirkan graduan yang berketrampilan serta berwibawa dalam penghasilan produk kesusasteraan kreatif kontemporari, dan menguasai kemahiran berfikir kritis dan kreatif di samping berkolaborasi secara lebih produktif antara akademik dan industri.

iii- Membentuk dan menjana graduan yang mempunyai sinergi kepakaran dalam bidang kesusasteraan kontemporari dan pengurusan industri kreatif secara bersepadu selari dengan arus perubahan semasa.




**Pembentukan Jawatankuasa Pelaksana**

Program yang bersifat dwimajor, gabungan daripada dua disiplin ilmu, iaitu kesusasteraan kontemporari dan pengurusan industri kreatif merupakan suatu bidang yang baharu dan menawarkan kemahiran teori dan praktis yang relevan sepanjang masa. Penggubalan program daripada dua displin ilmu ini telah membentuk jawatankuasa pelaksana yang terdiri daripada kalangan ahli akademik di Unit Bahasa, Sastera dan Budaya Melayu, Jabatan Pengajian Bahasa, Pusat Pengajian Bahasa, Tamadun dan Falsafah dan ahli akademik daripada Pusat Pengajian Pengurusan Industri Kreatif seperti dalam jadual berikut:

| **PENYELARAS (KETUA PROGRAM) : DR. ROHAYA MD ALI** | |
|---|---|
| **PENGURUS MAJOR LINGUISTIK:**<br>**DR. PHAT A/L AWANG DENG** | **PENGURUS MAJOR PENGURUSAN INDUSTRI KREATIF:**<br>**DR. AHMAD HISHAM BIN ZAINAL ABIDIN** |
| **JK Reka Bentuk Kurikulum**<br>PM. Dato' Dr. Nuraini Yusoff<br>Dr. Sharifah Fazliyaton Shaik Ismail<br>Dr. Rohaya Md Ali<br><br>**JK Penggubalan Silabus**<br>Dr. Rohizah Halim<br>Dr. Yusniza Yaakub<br>Dr Nasihah Hashim<br>Dr. Mashetoh Abd. Mutalib | **JK Reka Bentuk Kurikulum**<br>Dr. Juliana Aida binti Abu Bakar<br>Dr. Ruzinoor bin Che Mat<br>Dr. Syamsul Bahrin bin Zaibon<br><br>**JK Penggubalan Silabus**<br>Dr Siti Salmi binti Jamali<br>Dr. Ruzinoor bin Che Mat<br>Asmidah binti Alwi |

| | |
|---|---|
| **JK Kualiti dan Penilaian**<br>Dr. Mashetoh Abd. Mutalib<br>Dr. Mohd. Tarmizi Hasrah<br>Pn. Marzalina Mansor<br><br>**JK Kajian Pasaran**<br>Dr. Melor Fauzita Md. Yusof<br>Dr. Nasihah Hashim<br>Pn. Juwati Ahmad<br><br>**JK Penasihatan Program**<br>Dr. Yusniza Yaakob<br>Dr. Ahmad Fuad Mat Hassan<br>En. Nasrol Hadi Ahmad Shukeri<br>Pn. Norzaliza Ghazali<br><br>**JK MQA dan COPPA**<br>Dr. Hishamudin Isam<br>Dr. Khairul Faiz Alimi<br>Pn. Norhafidah Ibrahim<br>Pn. Hasniah<br><br>**JK Penyediaan Dokumen**<br>Dr. Phat a/l Awang Deng<br>Pn. Faizah Ahmad<br>En. Mohamad Zakuan Tuan Ibrahim | **JK Kualiti dan Penilaian**<br>Dr. Syamsul Bahrin bin Zaibon<br>Dr. Ruzinoor bin Che Mat<br>Hanis Salwani binti Othman<br><br>**JK Kajian Pasaran**<br>Dr. Ruzinoor bin Che Mat<br>En. Mohd Idzwan Yacob<br>Pn. Azrina Abdul Razak<br><br>**JK Penasihatan Program**<br>Dr. Juliana Aida binti Abu Bakar<br>Dr. Ruzinoor bin Che Mat<br>Dr. Syamsul Bahrin bin Zaibon<br>Dr. Ahmad Hisham Bin Zainal Abidin<br><br>**JK MQA dan COPPA**<br>Dr. Syamsul Bahrin bin Zaibon<br>Dr. Ahmad Hisham Bin Zainal Abidin<br>Hanis Salwani binti Othman<br><br>**JK Penyediaan Dokumen**<br>Dr. Ahmad Hisham Bin Zainal Abidin<br>Pn. Azrina Abdul Razak<br>En. Mohd Idzwan Yacob |

**Justifikasi Menawarkan Program**

Penawaran program Ijazah Sarjana Muda Sastera Kesusasteraan Kontemporari dan Pengurusan Industri Kreatif (dengan Kepujian) adalah berdasarkan justifikasi berikut:

i- **Memenuhi keperluan guna tenaga negara yang berkebolehan dalam <u>penghasilan produk kesusasteraan kontemporari dan pengurusan industri</u> kreatif.**
Melahirkan graduan kesusasteraan kontemporari yang berkebolehan dalam penghasilan produk kesusasteraan dan berkemahiran dalam pengurusan industri kreatif sebagai penghasil, pengurus dan pentadbir produk karya kreatif menggunakan kemahiran teknologi dan pengurusan untuk pembangunan industri kreatif. Kemahiran menghasilkan produk kesusasteraan dan kepengurusan amat diperlukan bagi melahirkan graduan

yang berupaya melonjakkan Malaysia dalam industri kreatif dan industri perkhidmatan. Pengetahuan dalam bidang kesusasteraan kontemporari dan kemahiran kepengurusan yang diadun dengan kreativiti, inovasi, dan alatan teknologi amat diperlukan demi memastikan produk kesusasteraan dan pengurusan industri berkembang selari dengan arus perubahan

**ii- Penawaran kursus lebih bersifat kontemporari**

Kemahiran teoritis dan praktis daripada kursus-kursus yang bersifat kontemporari daripada dua disiplin, iaitu kesusasteraan dan industri kreatif akan membekalkan ilmu yang relevan dengan keperluan kerjaya, baik dalam sektor awam mahupun swasta. Kursus yang ditawarkan mampu melahirkan pelajar yang mahir berkomunikasi, berciri keusahawanan, cekal dan boleh memimpin serta bekerja secara berpasukan. Secara tidak langsung juga gabungan antara daya kreativiti dengan teknologi serta pengurusan industri menjadikan graduan program ini lebih mandiri, berdaya saing dan berupaya membina kerjaya sendiri.

**iii- Selaras visi utama Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025**

Visi utama Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025 jelas menekankan kepentingan melakar sistem pendidikan yang memenuhi keperluan negara pada abad ke-21. Sistem baharu pendidikan tinggi memberi tumpuan kepada keberhasilan, berbanding input, di samping menggunakan teknologi dan inovasi bagi memenuhi keperluan serta meningkatkan pengalaman pembelajaran. Program yang ditawarkan ini selaras dengan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025 kerana kursus yang ditawarkan mengaplikasikan penggunaan teknologi dan inovasi. Program yang ditawarkan secara gabungan dwimajor ini juga mampu menyerlahkan potensi diri dengan menghasilkan produk yang sesuai dengan kehendak pasaran semasa.

**iv- Belum ada program seumpamanya di Malaysia**

Program yang bersifat dwimajor, gabungan dua bidang, iaitu kesusasteraan kontemporari dan pengurusan industri kreatif merupakan suatu bidang yang baharu. Sehingga kini, belum ada Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) dan Institusi Pengajian Tinggi Swasta (IPTS) yang menawarkan program seumpama ini di Malaysia.

**v- Program kesusasteraan kontemporari dan pengurusan industri kreatif seperti yang dicadangkan (dwimajor) ini sudah banyak ditawarkan oleh universiti luar negara.**

Penawaran program ini dapat menyediakan lebih banyak pilihan dan peluang kepada pelajar yang akan melanjutkan pelajaran. Pelajar disediakan dengan pelbagai kemahiran untuk bersaing dalam pasaran kerjaya untuk bergelar usahawan karya (dari pelbagai genre penulisan),

usahawan industri (memenuhi keperluan pasaran industri kreatif negara), dan mencurahkan ilmu yang dipelajari dalam pelbagai bidang kemahiran yang bersesuaian.Oleh itu, menjadi satu keperluan bagi Universiti Utara Malaysia menawarkan program Ijazah Sarjana Muda Sastera Kesusasteraan Kontemporari dan Pengurusan Industri Kreatif (dengan kepujian) di Malaysia.

## MATLAMAT DAN OBJEKTIF PENDIDIKAN PROGRAM

| | |
|---|---|
| 1 | Membentuk dan menjana graduan yang mempunyai sinergi kepakaran dalam bidang kesusasteraan kontemporari dan pengurusan industri kreatif secara bersepadu selari dengan arus perubahan semasa. |
| 2 | Melahirkan graduan yang berketrampilan serta berwibawa dalam penghasilan produk kesusasteraan kreatif kontemporari, dan menguasai kemahiran berfikir kritis dan kreatif di samping berkolaborasi secara lebih produktif antara akademik dan industri. |
| 3 | Menghasilkan graduan yang kreatif dan inovatif dalam pembangunan ilmu kesusasteraan dan industri kreatif negara selaras dengan misi, visi, matlamat universiti, aspirasi negara dan global bagi melahirkan pelajar yang mempunyai akses, kualiti, ekuiti, perpaduan dan kecekapan yang merentas semua peringkat pendidikan. |

## Hasil Pembelajaran Progam

| LOC | HASIL PEMBELAJARAN |
|---|---|
| MQF LOC 1 | Pengetahuan |
| MQF LOC 2 | Kemahiran Kognitif |
| MQF LOC 3a | Kemahiran Praktikal |
| MQF LOC 3b | Kemahiran Interpersonal |
| MQF LOC 3c | Komunikasi |
| MQF LOC 3d | Kemahiran Digital |
| MQF LOC 3e | Kemahiran Numerasi |
| MQF LOC 3f | Kepemimpinan, Autonomi & Kebertanggungjawaban |
| MQF LOC 4a | Kemahiran Personal |

| | |
|---|---|
| MQF LOC 4b | Kemahiran Keusahawanan |
| MQF LOC 5 | Etika & Profesionalisme |

**Hasil Pembelajaran Program (PLO)**

| LOD | HASIL PEMBELAJARAN | Domain Pembelajaran MQF / KPT |
|---|---|---|
| LOD 1 | Menguasai pengetahuan yang pelbagai dalam bidang kesusasteraan kreatif kontemporari dari pelbagai aspek selari dengan keperluan universiti dan pasaran global. | Pengetahuan |
| LOD 2 | Menghasilkan, mengaplikasikan, dan menguruskan produk kreatif dalam pelbagai media. | Kemahiran Praktikal |
| LOD 3 | Menunjukkan keupayaan khusus dalam bidang utama mengikut kursus-kursus yang ditawarkan. Mereka akan menguasai kemahiran dalam penglahiran karya kreatif dengan menggunakan pemikiran kritis dan analitis secara lebih berkesan. | Kemahiran Berterusan dan Pengurusan Maklumat |
| LOD 4 | Memupuk kesedaran terhadap nilai estetika karya dan keindahan bahasa; berkeupayaan bekerja secara kolaboratif, serta meningkatkan kepintaran emosi dan intelek. | Nilai, Sikap, dan Profesionalisme |
| LOD 5 | Menguasai kemahiran komunikasi lisan dan tulisan dengan berkesan dalam media konvensional dan media baharu. | Kemahiran Komunikasi, Kepimpinan dan Kerja Berpasukan |
| LOD 6 | Menjadi tenaga profesional yang mampu menguruskan organisasi dan menyumbangkan kepakaran dalam bidang kerjaya penulisan karya kreatif kontemporari. | Kemahiran Saintifik dan Penyelesaian Masalah |
| LOD 7 | Berupaya menyediakan diri sebagai usahawan kreatif yang bermutu dan berdaya saing di pasaran. | Kemahiran Pengurusan dan Keusahawanan |
| LOD 8 | Mampu menghasilkan dan memasarkan produk karya kreatif yang menggabungkan pemikiran kreatif dan kritis sesuai dengan keperluan pasaran global | Kemahiran danTanggungjawab Sosial |

## JAWATANKUASA PENASIHAT DAN PENILAI PROGRAM

Jawatankuasa Penasihat dan Penilai Program ditubuhkan bertujuan menilai kesesuaian kandungan kursus, kewajaran penawaran program dan kebolehpasaran graduan yang bakal dihasilkan. Kesemua penasihat dipilih berdasarkan bidang kepakaran mewakili dunia akademik dan lapangan industri dari kedua-dua bidang, iaitu kesusasteraan kontemporari dan pengurusan industri kreatif.

1. Prof. Mohamad Mokhtar bin Hassan (UM)
2. Prof. Madya Dato' Paduka Dr. Mohd Rosli Bin Saludin (UPSI)
3. Prof. Madya Dr. Amillia Mohd. Ramli (UIA)
4. Dr. Mohd. Hanafi Ibrahim (DBP)
5. Mohd. Rozlan bin Mohamed Noor (ITBM)
6. Datin Paduka Shuhaimi Baba (Managing Director, Pesona Pictures Sdn Bhd.)
7. Dato' Faridah Merican (Executive Producer, Kuala Lumpur Performing Arts Centre)
8. Prof. Dr Ir. Wan Abu Bakar bin Wan Abas @ Irwan (UM/ Pengasas Sastera Siber)
9. Dato' Dr. Anuar Ridhwan (Sasterawan Negara)



**RINGKASAN PROGRAM**

<table>
<tr><th>PERKARA</th><th colspan="4">KETERANGAN</th></tr>
<tr><td>NAMA PRORAM AKADEMIK</td><td colspan="4">Sarjana Muda Sastera Kesusasteraan Kontemporari Dan Pengurusan Industri Kreatif (Dengan Kepujian)<br><br>[B.A (Hons.) In Contemporary Literature And Creative Industry Management]</td></tr>
<tr><td>KOD UPU</td><td colspan="4">UU6222002</td></tr>
<tr><td>ENTITI AKADEMIK</td><td colspan="4">Pusat Pengajian Bahasa, Tamadun dan Falsafah, Kolej Sastera dan Sains Sosial, Universiti Utara Malaysia</td></tr>
<tr><td>TAHAP Kerangka Kelayakan Malaysia (KKM) - (Malaysian Qualifications Framework, MQF)</td><td colspan="4">Tahap 6 (Ijazah Sarjana Muda)</td></tr>
<tr><td>JAM KREDIT</td><td colspan="4">150 jam kredit</td></tr>
<tr><td>NATIONAL EDUCATION CODE (NEC)</td><td colspan="4">222 - Languages</td></tr>
<tr><td>MOD PENGAJIAN</td><td colspan="4">Kerja Kursus</td></tr>
<tr><td rowspan="2">KAEDAH / JANGKA MASA PENGAJIAN</td><td>JENIS PENGAJIAN</td><td>JANGKA MASA PENGAJIAN</td><td>MINIMUM</td><td>MAKSIMUM</td></tr>
<tr><td>Sepenuh masa</td><td>4 tahun (8 semester)</td><td>3 setengah tahun (7 semester)</td><td>6 tahun (12 semester)</td></tr>
<tr><td>TAHUN / SESI PENAWARAN</td><td colspan="4">Semester 1, 2020/2021</td></tr>
</table>




**STRUKTUR PROGRAM**

Ijazah Sarjana Muda Sastera Kesusasteran Kontemporari dan Pengurusan Industri Kreatif (dengan kepujian) akan dianugerahkan kepada pelajar yang memenuhi sekurang-kurangnya 150 jam kredit melalui struktur kurikulum berikut:

| KOMPONEN | JAM KREDIT |
|---|---|
| Teras Universiti | 16 jam kredit |
| Teras Program | 14 jam kredit |
| Major Pertama | 54 jam kredit |
| Major Kedua | 54 jam kredit |
| Elektif Bebas | 3 jam kredit |
| **Jumlah** | **150 jam kredit** |

| A. TERAS UNIVERSITI (25 JAM KREDIT) | | |
|---|---|---|
| i. Pelajar Warganegara | | |
| **KOD** | **NAMA KURSUS** | **JAM KREDIT** |
| MPU1043 | Falsafah dan Isu Semasa | 3 |
| MPU1013 | Penghayatan Etika dan Peradaban | 3 |

| | | |
|---|---|---|
| SADN1033 | Kenegaraan Malaysia | 3 |
| SADE1013 | Asas Keusahawanan | 3 |
| VXXXXXXX | Ko-Kurikulum | 4 |
| **JUMLAH** | | **16** |
| | | |
| ii. **Pelajar bukan warganegara** | | |
| MPU1043<br>**ATAU**<br>MPU1013 | Falsafah dan Isu Semasa<br>**ATAU**<br>Penghayatan Etika dan Peradaban | 3 |
| SBLF1093 | Bahasa Melayu sebagai Bahasa Asing I | 3 |
| SADN1033 | Kenegaraan Malaysia | 3 |
| SADE1013 | Asas Keusahawanan | 3 |
| VXXXXXXX | Ko-Kurikulum | 4 |
| **JUMLAH** | | **16** |
| **1. Kursus Bahasa** | | |
| SBLE 1063 | English Proficiency I | 3 |
| SBLE 1113 | English Proficiency II | 3 |
| SBLE 3123 | English Proficiency III | 3 |
| | **Jumlah** | **9** |
| **2. Kursus Kokurikulum** | | |
| Vxxxl Kokurikulum * (4/6)<br>*Pilih **SATU (1)** bidang kokurikulum yang diminati dan pelajar tertakluk kepada syarat-syarat yang ditetapkan di bawah bidang tersebut. | | |
| | **Jumlah** | **4/6** |
| **B. TERAS PROGRAM (14 JAM KREDIT)** | | |
| SBLX4998 | Latihan Industri /Industrial training | 8 |
| SBLZ4996 | Projek Ilmiah | 6 |
| | **Jumlah** | **14** |

| **C. KOMPONEN MAJOR PERTAMA - KESUSASTERAAN KONTEMPORARI 54 JAM KREDIT** | | |
|---|---|---|
| **1. TERAS PROGRAM (39 JAM KREDIT)** | | |
| **Kod** | **Nama Kursus** | **Jam Kredit** |
| SBLM1073 | Evolusi Bahasa dan Sastera Melayu | 3 |
| SBLM2053 | Penyelidikan Bahasa dan Sastera | 3 |
| SBLM3043 | Seminar Kreativiti Dan Inovasi Bahasa Dan Sastera Melayu | 3 |
| SBLS1013 | Karya Kreatif Agung | 3 |

| | | |
|---|---|---|
| SBLS1023 | Karya Kreatif Global | 3 |
| SBLS1033 | Karya Kreatif Popular | 3 |
| SBLS2013 | Karya Kreatif Elektronik | 3 |
| SBLS2023 | Proses Pengkaryaan Karya Kreatif | 3 |
| SBLS2033 | Warna dan Gaya Bahasa Karya Kreatif | 3 |
| SBLS2043 | Gagasan Kepengarangan Karya Kreatif | 3 |
| SBLS3013 | Teori dan Teks | 3 |
| SBLS3023 | Terjemahan Sastera | 3 |
| SBLS4013 | Pengurusan dan Pemasaran Karya Kreatif | 3 |
| | **Jumlah** | **39** |
| **2. Elektif Major Pertama (15 Jam Kredit)** | | |
| **Pilih lima (5) kursus sahaja:** | | |
| SBLS3033 | Estetik Karya Kreatif | 3 |
| SBLS3043 | Karya Media Baru | 3 |
| SBLS3053 | Retorik Karya Kreatif | 3 |
| SBLS3063 | Karya Kreatif dan Pembangunan Modal Insan | 3 |
| SBLS3073 | Silang Budaya dalam Karya Kreatif | 3 |
| SBLS3083 | Kritikan Karya Kreatif | 3 |
| SBLS3093 | Mitos, Arketip dan Majas dalam Teks Kontemporari | 3 |
| SBLS3103 | Budaya dan Falsafah Karya Kreatif | 3 |
| | **Jumlah** | **15** |

| **D. KOMPONEN MAJOR KEDUA – PENGURUSAN INDUSTRI KREATIF (54JAM KREDIT)** | | |
|---|---|---|
| **1. TERAS PROGRAM (36 JAM KREDIT)** | | |
| **Kod** | **Nama Kursus** | **Jam Kredit** |
| SCIM1013 | Pengenalan Industri Kreatif | 3 |
| SCIM1023 | Asas Seni Kreatif | 3 |
| SCIM1033 | Pengenalan Media Digital | 3 |
| SCIM1053 | Komunikasi Budaya dan Apresiasi Seni Malaysia | 3 |
| SCIM1063 | Ekonomi Kreatif | 3 |
| SCIM2013 | Perhubungan Awam dalam Industri Kreatif | 3 |
| SCIM2033 | Audio Kreatif | 3 |
| SCIM2043 | Penulisan Skrin | 3 |

| | | |
|---|---|---|
| SCCT2063 | Undang-undang dan Etika Media | 3 |
| SCIM3023 | Penyelidikan Pasaran Industri Kreatif | 3 |
| SCIM3043 | Keusahawanan Industri Kreatif | 3 |
| SCCT3033 | Psikologi Media | 3 |
| | **Jumlah** | **36** |
| **2. Elektif Pengkhususan Major Kedua (18 Jam Kredit)** | | |
| SCIM2103 | Sejarah, Estetika, dan Kritikan Filem | 3 |
| SCIM2113 | Pengarahan Filem | 3 |
| SCIM3103 | Pengurusan Produksi Filem | 3 |
| SCIM3113 | Sinematografi | 3 |
| **Pilih Dua (2) kursus di bawah** | | |
| SCIM3123 | Pengarahan Seni | 3 |
| SCIM3133 | Lakonan Skrin | 3 |
| SCIM3333 | Kesan Visual Filem dan TV | 3 |
| | **Jumlah** | **18** |
| **ELEKTIF BEBAS (3 JAM KREDIT)** | | |
| XXXX | XXXX | 3 |
| | **Jumlah** | **3** |

**Elektif Bebas (3 Jam Kredit)***

Pelajar-pelajar boleh memilih mana-mana kursus yang ditawarkan oleh program lain di pusat pengajian sendiri atau program di fakulti lain dengan mengambil kira perkara berikut:

a) Perlu memenuhi prasyarat kursus jika kursus tersebut memerlukan prasyarat.
b) Kursus-kursus setara tidak boleh dijadikan sebagai elektif bebas.

**AGIHAN JAM KREDIT MENGIKUT SEMESTER**
**PROGRAM IJAZAH SARJANA MUDA SASTERA**
**KESUSASTERAAN KONTEMPORARI DAN PENGURUSAN INDUSTRI KREATIF (DENGAN KEPUJIAN)**
**[*B.A (HONS.) IN CONTEMPORARY LITERATURE AND CREATIVE INDUSTRY MANAGEMENT*]**

| Kod Kursus | Semester 1 | Jam Kredit | Kod Kursus | Semester 2 | Jam Kredit |
|---|---|---|---|---|---|
| MPU1013 | Penghayatan Etika dan Peradaban | 3 | SADE1013 | Asas Keusahawanan | 3 |
| SADN1033 | Kenegaraan Malaysia | 3 | MPU1043 | Falsafah dan Isu Semasa | 3 |
| SBLE2113 | English Proficiency II | 3 | SBLE3123 | English Proficiency III | 3 |
| VXXXXX | Ko-k | 1 | VXXXXX | Ko-k | 1 |
| SBLS1013 | Karya Kreatif Agung | 3 | SBLS1023 | Karya Kreatif Global | 3 |
| SBLM1073 | Evolusi Bahasa dan Sastera | 3 | SBLS1033 | Karya Kreatif Popular | 3 |
| SCIM1013 | Pengenalan Industri Kreatif | 3 | SCIM1053 | Komunikasi Budaya dan Apresiasi Seni Malaysia | 3 |
| **Jumlah** | | **19** | **Jumlah** | | **19** |
| **Kod Kursus** | **Semester 3** | **Jam Kredit** | **Kod Kursus** | **Semester 4** | **Jam Kredit** |
| VXXXXX | Ko-k | 1 | VXXXXX | Ko-k | 1 |
| SBLE31X3 | Pilihan kursus ESP | 3 | SBLS2043 | Gagasan Kepengarangan Karya Kreatif | 3 |
| SBLS2013 | Karya Kreatif Elektronik | 3 | SCIM1063 | Ekonomi Kreatif | 3 |
| SBLS2023 | Proses Pengkaryaan Karya Kreatif | 3 | SCIM2043 | Penulisan Skrin | 3 |
| SBLS2033 | Warna dan Gaya Bahasa Karya Kreatif | 3 | SCCT2063 | Undang-Undang dan Etika Media | 3 |
| SCIM1023 | Asas Seni Kreatif | 3 | SBLSXXX3 | Elektif Major 1 | 3 |
| SCIM1033 | Pengenalan Media Digital | 3 | SBLSXXX3 | Elektif Major 1 | 3 |
| SCIM2013 | Perhubungan Awam dalam Industri Kreatif | 3 | | Elektif Pengkhususan Major 2 | 3 |
| **Jumlah** | | **22** | **Jumlah** | | **22** |
| **Kod Kursus** | **Semester 5** | **Jam Kredit** | **Kod Kursus** | **Semester 6** | **Jam Kredit** |
| SBLS3013 | Teori dan Teks | 3 | SBLM3043 | Penyelidikan Bahasa dan Sastera | 3 |
| SCIM2033 | Audio Kreatif | 3 | SBLS3023 | Terjemahan Sastera | 3 |
| SBLSXXX3 | Elektif Major 1 | 3 | SCIM3023 | Penyelidikan Pasaran Industri Kreatif | 3 |
| SBLSXXX3 | Elektif Major 1 | 3 | SCIM3043 | Keusahawanan Industri Kreatif | 3 |
| | Elektif Pengkhususan Major 2 | 3 | SCCT3033 | Psikologi Media | 3 |
| | Elektif Pengkhususan Major 2 | 3 | | Elektif Pengkhususan Major 2 | 3 |
| | Elektif Major 2 | 3 | | Elektif Major 2 | 3 |
| **Jumlah** | | **21** | **Jumlah** | | **21** |

| Kod Kursus | Semester 7 | Jam Kredit | Kod Kursus | Semester 8 | Jam Kredit |
|---|---|---|---|---|---|
| SBLM4013 | Seminar Kreativiti dan Inovasi dalam Bahasa dan Sastera | 3 | SBLX4998 | Latihan Praktikum | 8 |
| SBLS4013 | Pengurusan dan Pemasaran Karya Kreatif | 3 | | | |
| SBLSXXX3 | Elektif Major 1 | 3 | | | |
| | Elektif Bebas | 3 | | | |
| SBLZ4996 | Projek Ilmiah | 6 | | | |
| **Jumlah** | | **18** | **Jumlah** | | **8** |

## TARIKH PENTING KELULUSAN

| Bil | Perkara | Tarikh / Bil |
|---|---|---|
| 1 | Kelulusan Saringan Awal | 12 Disember 2018(bil. 5/2018) |
| 2 | Perakuan Akreditasi Sementara | 28 Mac 2017 (bil. 3/2017) |
| 3 | Pengesahan Unit Swa, UUM | 19 Februari 2019 UUM/CAN/UnitSWA/K-12/1 |
| 4 | Kelulusan Senat | 11 Mac 2018 (bil. 2/2018) |
| 5 | Kelulusan Kelulusan Lembaga Pengarah Universiti (LPU) | 27 September 2018 (bil. 4/2018) |
| 6 | Kelulusan Jawatankuasa Kementerian Pengajian Tinggi (JKPT) | 1 Mac 2019 (bil. 1/2019) |

KETUA PENGARAH PENDIDIKAN TINGGI
*DIRECTOR GENERAL OF HIGHER EDUCATION*
Jabatan Pendidikan Tinggi
*Department Of Higher Education*
Kementerian Pendidikan Malaysia
*Ministry of Education Malaysia*
Aras 9, No.2, Menara 2,
Jalan P5/6, Presint 5
62200 PUTRAJAYA

JPT | JABATAN PENDIDIKAN TINGGI

Tel: 603-88706439
Faks (Fax): 603-88706840
Portal Rasmi: http://jpt.moe.gov.my

Ruj. Kami: JPT(A) 1000/021/014/01 Jld. 6 ( 5 )
Tarikh: 15 Mac 2019

**YBrs. Prof. Dr. Ahmad Bashawir bin Hj.Abdul Ghani**
Naib Canselor
Universiti Utara Malaysia (UUM)
Aras 5, Bangunan Canselori
06010 Sintok
**KEDAH**
No. Tel. : 04-928 3001
No. Faks. : 04-928 3005

YBrs. Prof.,

**MAKLUMAN KEPADA UNIVERSITI UTARA MALAYSIA (UUM) - KEPUTUSAN MESYUARAT JAWATANKUASA PENDIDIKAN TINGGI (JKPT) BIL. 1/2019 PADA 1 MAC 2019**

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas dan surat bil. UUM/HEA/UPS/P-74 bertarikh 14 Januari 2019, UUM/HEA/UPS/P-74 bertarikh 16 Januari 2019 dan UUM/HEA/K-17/1 Jld.12 bertarikh 22 Januari 2019 adalah berkaitan.

2. Dimaklumkan bahawa Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) **meluluskan** cadangan UUM seperti berikut :

(a) Program Akademik Baharu:

**Sarjana Muda Sastera Linguistik dan Teknologi Maklumat (dengan kepujian)**
*B.A (Hons.) Linguistics and Information Technology*
**Sesi penawaran diluluskan: Semester 1, Sesi 2020/2021**

(b) Program Akademik Baharu:

**Sarjana Muda Sastera Kesusasteraan Kontemporari dan Pengurusan Industri Kreatif (dengan Kepujian)**
*Bachelor of Arts in Contemporary Literature and Creative Industry Management (Honours)*
**Sesi penawaran diluluskan: Semester 1, Sesi 2020/2021**

**SYARAT-SYARAT KEMASUKAN**

Calon yang memohon hendaklah mempunyai kelayakan syarat am universiti dan syarat khas program seperti berikut:

| Bil | Program Tempoh Pengajian | Kategori Calon | Cadangan 2020/2021 |
|---|---|---|---|
| | **SARJANA MUDA SASTERA KESUSASTERAAN KONTEMPORARI DAN PENGURUSAN INDUSTRI KREATIF** | A: STPM (Sastera) | 1. Mendapat sekurang-kurangnya **Gred C (NGMP 2.00)** pada peringkat STPM dalam mana-mana **dua (2)** mata pelajaran berikut:<br>- Kesusasteraan Melayu Komunikatif /Bahasa Melayu/Geografi/Sejarah /Mathematics (M) / Mathematics (T)/ Ekonomi/ Literature in English/ Perakaunan/ Pengurusan Perniagaan/ Seni Visual |

| Bil | Program Tempoh Pengajian | Kategori Calon | Cadangan 2020/2021 |
|---|---|---|---|
| | **(DENGAN KEPUJIAN)#**<br><br>08 Semester | | 2. Mendapat sekurang-kurangnya **Tahap 3 (Band 3)** dalam ***Malaysian University English Test* (MUET)**<br><br>ATAU<br>Mendapat sekurang-kurangnya **Tahap 2 (Band** dalam ***Malaysian University English Test* (MUET);**<br><br>Dan<br>Mendapat sekurang-kurangnya **Kepujian (Gred C/6C)** pada peringkat SPM dalam mata pelajaran<br>• Bahasa Inggeris<br>3. **Lulus temu duga yang ditetapkan** |
| | | S: STPM (Sains) | 1. Mendapat sekurang-kurangnya **Gred C (NGMP 2.00)** pada peringkat STPM dalam mana-mana **dua (2)** mata pelajaran berikut:<br>- Kesusasteraan Melayu Komunikatif /Bahasa Melayu/Geografi/Sejarah /Mathematics (M) / Mathematics (T)/ Ekonomi/ Literature in English/ Perakaunan/ Pengurusan Perniagaan/ Seni Visual<br>2. Mendapat sekurang-kurangnya **Tahap 3 (Band 3)** dalam ***Malaysian University English Test* (MUET);**<br>ATAU<br>Mendapat sekurang-kurangnya **Tahap 2 (Band 2)** dalam ***Malaysian University English Test* (MUET);**<br>Dan<br>Mendapat sekurang-kurangnya **Kepujian (Gred C/6C)** pada peringkat SPM dalam mata pelajaran<br>• Bahasa Inggeris<br>3. **Lulus temu duga yang ditetapkan** |

| Bil | Program Tempoh Pengajian | Kategori Calon | Cadangan 2020/2021 |
|---|---|---|---|
| | | N: MATRIK (Sains) | 1. Mendapat sekurang-kurangnya **Gred B- (NGMP 2.67)** pada peringkat Matrikulasi/ Asasi dalam mata pelajaran:<br>• English/ Pengajian Am Matrikulasi/ Pendidikan Islam/ Pendidikan Moral<br>2. Mendapat sekurang-kurangnya **Tahap 3 (*Band* 3)** dalam *Malaysian University English Test* (MUET)<br>ATAU<br>Mendapat sekurang-kurangnya **Tahap 2 (*Band* 2)**dalam *Malaysian University English Test* (MUET)<br>Dan<br>Mendapat sekurang-kurangnya **kepujian (Gred C)** pada peringkat SPM dalam mata pelajaran:<br>• Bahasa Inggeris<br>3. **Lulus temu duga yang ditetapkan** |
| | | P: MATRIK (Perakaunan) | 1. Mendapat sekurang-kurangnya **Gred B- (NGMP 2.67)** pada peringkat Matrikulasi/ Asasi dalam mata pelajaran:<br>• English/ Pengajian Am Matrikulasi/ Pendidikan Islam/ Pendidikan Moral<br><br>Mendapat sekurang-kurangnya **Tahap 3 (*Band* 3)** dalam *Malaysian University English Test* (MUET)<br>ATAU<br>Mendapat sekurang-kurangnya **Tahap 2 (*Band* 2)** dalam *Malaysian University English Test* (MUET)<br>Dan<br>Mendapat sekurang-kurangnya **kepujian (Gred C)** pada peringkat SPM dalam mata pelajaran:<br><br>• Bahasa Inggeris<br><br>3.**Lulus temu duga yang ditetapkan** |

| Bil | Program Tempoh Pengajian | Kategori Calon | Cadangan 2020/2021 |
|---|---|---|---|
| | | U: MATRIK (Undang - Undang) | 1. Mendapat sekurang-kurangnya **Gred B- (NGMP 2.67)** pada peringkat Matrikulasi/ Asasi dalam mata pelajaran:<br>• Introduction To Critical Thinking/ Intermediate English/ Fundamentals of Information & Communication Technology<br><br>2. Mendapat sekurang-kurangnya **Tahap 3 (*Band* 3)** dalam *Malaysian University English Test* (MUET)<br>**ATAU**<br>Mendapat sekurang-kurangnya **Tahap 2 (*Band* 2)** dalam *Malaysian University English Test* (MUET)<br>**dan**<br>Mendapat sekurang-kurangnya **kepujian (Gred C)** pada peringkat SPM dalam mata pelajaran:<br>• Bahasa Inggeris<br><br>**2. Lulus temu duga yang ditetapkan** |
| | | T: STAM | 1. Mendapat sekurang-kurangnya **Tahap 3 (*Band* 3)** dalam *Malaysian University English Test* (MUET)<br>**ATAU**<br>Mendapat sekurang-kurangnya **Tahap 2 (*Band* 2)** dalam *Malaysian University English Test* (MUET)<br>**dan**<br>Mendapat sekurang-kurangnya **kepujian (Gred C/6C)** pada peringkat SPM dalam mata pelajaran:<br>• Bahasa Inggeris<br><br>2. **Lulus temu duga yang ditetapkan** |
| | | G1: DIPLOMA UA | 1. Memiliki Diploma atau kelulusan lain yang diiktiraf setaraf dengannya oleh |

| Bil | Program Tempoh Pengajian | Kategori Calon | Cadangan 2020/2021 |
|---|---|---|---|
| | | G2: DIPLOMA POLITEKNIK<br>E3: DIPLOMA IPTS | Kerajaan Malaysia dan diluluskan oleh Senat Universiti dengan CGPA minima 2.50;<br><br>2. Mendapat sekurang-kurangnya **Tahap 3 (*Band* 3)** dalam *Malaysian University English Test* (MUET)<br>**ATAU**<br>Mendapat sekurang-kurangnya **Tahap 2 (*Band* 2)** dalam *Malaysian University English Test* (MUET)<br>**dan**<br>Mendapat sekurang-kurangnya **kepujian (Gred C/6C)** pada peringkat SPM dalam mata pelajaran:<br>• Bahasa Inggeris<br><br>3. **Lulus temu duga yang ditetapkan** |
| | | E2: DVM | 1. Memiliki Diploma Vokasional Malaysia dalam bidang Teknologi Kejuruteraan Mekanikal dan Pembuatan/ Teknologi Maklumat dan Komunikasi yang diiktiraf setaraf oleh Kerajaan Malaysia dan diluluskan oleh Senat Universiti dengan sekurang-kurangnya **PNGK 3.00**<br><br>2. Mendapat sekurang-kurangnya **Tahap 3 (*Band* 3)** dalam *Malaysian University English Test* (MUET)<br>ATAU<br>Mendapat sekurang-kurangnya **Tahap 2 (*Band* 2)** dalam *Malaysian University English Test* (MUET)<br>Dan<br>Mendapat sekurang-kurangnya **kepujian (Gred C/6C)** pada peringkat SVM dalam mata pelajaran:<br>• Bahasa Inggeris<br><br>3. **Lulus temu duga yang ditetapkan** |

| Bil | Program Tempoh Pengajian | Kategori Calon | Cadangan 2020/2021 |
|---|---|---|---|
| | | ASASI UUM | 1. Mendapat sekurang-kurangnya **Tahap 2 (Band 2)** dalam Malaysian University English Test (MUET).<br><br>**2. Lulus temu duga yang ditetapkan** |

**PELUANG PEKERJAAN**

Walaupun kerjaya yang dinyatakan ialah kerjaya pasaran terbuka (contohnya jawatan dalam kumpulan perkhidmatan Pelaksana/Pengurusan dan Profesional : syarat lantikan ialah memiliki Ijazah Sarjana Muda Kepujian dalam bidang berkaitan yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya), namun dengan pendedahan kepada bidang kesusasteraan kontemporari dan pengurusan industri kreatif, berupaya melahirkan graduan sastera kontemporari berkemahiran pengurusan industri kreatif yang mampu membangunkan pelbagai produk untuk industri kreatif bersumberkan ilmu kesusasteraan, kemahiran teknologi dan pengurusan. Hasilnya, ini akan membantu industri kreatif negara berkembang selari dengan keperluan Dasar Industri Kreatif Negara serta keperluan guna tenaga dalam Revolusi Industri ke-4.

| SEKTOR KERAJAAN | | |
|---|---|---|
| **BIL.** | **JAWATAN** | **ORGANISASI** |
| 1 | Editor | DEWAN BAHASA DAN PUSTAKA |
| 2 | Penerbit Rancangan | BAKAT DAN SENI |
| 3 | Pereka | BAKAT DAN SENI |
| 4 | Penterjemah | JABATAN PERKHIDMATAN AWAM |
| 5 | Pegawai Sistem Maklumat | JABATAN PERKHIDMATAN AWAM |
| 6 | Pegawai Penerbitan | PELBAGAI KEMENTERIAN |
| 7 | Pegawai Penyelidik Sosial | KEMENTERIAN PENERANGAN |
| 8 | Pegawai Pembangunan Masyarakat | PELBAGAI KEMENTERIAN |

| | | |
|---|---|---|
| 9 | Pegawai Tadbir Dan Diplomatik | JABATAN PERKHIDMATAN AWAM |
| 10 | Pegawai Kebudayaan | JABATAN PERKHIDMATAN AWAM |
| 11 | Guru | JABATAN PERKHIDMATAN AWAM |
| 12 | Pegawai Komunikasi Strategik | PELBAGAI KEMENTERIAN / JABATAN |
| 13 | Pegawai Penerangan | KEMENTERIAN PENERANGAN DAN KEMENTERIAN KESIHATAN JABATAN PERKHIDMATAN AWAM |
| 14 | Pegawai Latihan | PELBAGAI KEMENTERIAN / JABATAN |
| 15 | Pegawai Tadbir | PERBADANAN FILEM NASIONAL MALAYSIA (FINAS) |
| 16 | Pegawai Makmal Filem | PERBADANAN FILEM NASIONAL MALAYSIA (FINAS) |
| 17 | Penerbit Rancangan | PERBADANAN FILEM NASIONAL MALAYSIA (FINAS) |
| **SEKTOR SWASTA /AGENSI LAIN KERAJAAN** | | |
| **BIL.** | **JAWATAN** | **ORGANISASI** |
| 1 | Penghasil Teks | Syarikat Penerbitan |
| 2 | Penghasil Skrip | Syarikat Penerbitan |
| 3 | Pengurus Produksi | Syarikat Penerbitan |
| 4 | Pengurus Animasi | Syarikat Penerbitan |
| 5 | Casting Director | Syarikat Penerbitan |
| 6 | Action Director | Syarikat Penerbitan |
| 7 | Designer | Syarikat Penerbitan |
| 8 | Head Animator | Syarikat Penerbitan |
| 9 | Character Modeler | Syarikat Penerbitan |
| 10 | Director | Syarikat Penerbitan |
| 11 | Pegawai Teknologi Maklumat | MATRADE / PNB / LKIM / MOCCIS / MOSTI |
| 12 | Pembangun Perisian | MATRADE / PNB / LKIM / MOCCIS / MOSTI |

| | | |
|---|---|---|
| 13 | Penyiaran | RTM |
| 14 | Penulis professional (kreatif dan bukan kreatif | |
| 15 | Editor | DEWAN BAHASA DAN PUSTAKA |
| 16 | Penerbit Rancangan | BAKAT DAN SENI |
| 17 | Pereka | BAKAT DAN SENI |
| 18 | Penterjemah | JABATAN PERKHIDMATAN AWAM |
| 19 | Pegawai Sistem Maklumat | JABATAN PERKHIDMATAN AWAM |
| 20 | Pegawai Penerbitan | PELBAGAI KEMENTERIAN |
| 21 | Pegawai Penyelidik Sosial | KEMENTERIAN PENERANGAN |
| 22 | Pegawai Pembangunan Masyarakat | PELBAGAI KEMENTERIAN |
| 23 | Pegawai Tadbir Dan Diplomatik | JABATAN PERKHIDMATAN AWAM |
| 24 | Pegawai Kebudayaan | JABATAN PERKHIDMATAN AWAM |
| 25 | Guru | JABATAN PERKHIDMATAN AWAM |
| 26 | Pegawai Komunikasi Strategik | PELBAGAI KEMENTERIAN / JABATAN |
| 27 | Pegawai Penerangan | KEMENTERIAN PENERANGAN DAN KEMENTERIAN KESIHATAN JABATAN PERKHIDMATAN AWAM |
| 28 | Pegawai Latihan | PELBAGAI KEMENTERIAN / JABATAN |
| 29 | Pegawai Tadbir | PERBADANAN FILEM NASIONAL MALAYSIA (FINAS) |

| **RADIO** | | |
|---|---|---|
| 1 | Radio National | Radio Klasik ; Nasional FM; *Muzik FM;* TraXX FM; Ai FM ; Minnal FM ;Asyik FM ; Galaksi Muzik RTM (online radio) |

| | | |
|---|---|---|
| 2 | Local (Services formerly branded as Radio 3 for the stations in the states and districts) | Perlis: Perlis FM; Kedah: Kedah FM and Langkawi FM; Penang: Mutiara FM; Perak: Perak FM; Selangor dan Putrajaya: Selangor FM dan KL FM; Negeri Sembilan: Negeri FM; Kuala Lumpur: KL FM dan Selangor FM; Malacca: Melaka FM; Johor: Johor FM; Pahang: Pahang FM; Terengganu: Terengganu FM; Kelantan: Kelantan FM; Sarawak: Sarawak FM, Red FM, Wai FM, Sibu FM, Miri FM, RaSa FM, Bintulu FM dan Limbang FM; Sabah: Sabah FM, Sabah V FM, Keningau FM, Sandakan FM dan Tawau FM; Labuan: Sabah FM, Sabah V FM dan Labuan FM |
| **TELEVISYEN** | | |
| 3 | Radio Televisyen Malaysia (RTM) | TV1; TV2; TVi (Digital Only); Galaksi Muzik RTM (online television) |
| 4 | Media Prima | TV3; NTV7; 8TV; TV9 |
| 5 | Jabatan Kemajuan Islam Malaysia | TV AL-HIJRAH |
| 6 | Pertubuhan Berita Nasional Malaysia | Bernama News Channel |
| 7 | Satellite television | Astro- View full channel listings- NJOI- Free satellite TV from Astro, as launched in March 2012, is a co-operation between the government and Astro. |
| 8 | IPTV | HyppTV |
| 9 | Internet Video Streaming | Netflix; Viu (streaming media); Iflix; Amazon Prime Video; BBC Player;Tonton Live TV; 1Malaysia TV; EDUWEBTV; MobTV; TVSelangor; Cyberjaya-tv.com; Astro on the Go |
| **'*CONTENT*' *CREATORS*'/PEMBINA KANDUNGAN** | | |
| Penghasil Teks; Penghasil Skrip; Pengurus Produksi; Pengurus Animasi; Casting Director; Action Director; *Designer Head Animator*; Character Modeler; Director; Arkitek Perisian; Penulis Profesional (kreatif dan bukan kreatif);Penerbitan Akhbar; Berkala; Buku: Direktori; Akademik; Elektronik; Perfomer. | | |
| **SYARIKAT MEDIA MALAYSIA** | | |
| Astro All Asia Networks; Syarikat penerbitan filem Malaysia; KRU Studios; Media Prima; Syarikat rakaman Malaysia; Syarikat penerbitan televisyen Malaysia; Kumpulan Karangkraf; Kumpulan Utusan; Siti Nurhaliza Productions. | | |
| **PENERBITAN FILEM** | | |

| |
|---|
| Astro Shaw; Dr. Movie Production; Enjit Semut Productions; Excellent Pictures; Grand Brilliance; Jins Shamsuddin Productions; Kuasatek Pictures; Metrowealth Movies Production; Naga VXS; Redfilms; Sabah Film Productions; SDAF Pictures; Skop Production Sdn Bhd; Tayangan Unggul;Vision Works. |

## SINOPSIS KURSUS

| TERAS UNIVERSITI |
|---|
| **MPU1013 Penghayatan Etika dan Peradaban**<br>Kursus ini menjelaskan tentang konsep etika daripada perspektif peradaban yang berbeza. Ia bertujuan bagi mengenal pasti sistem, tahap perkembangan, kemajuan dan kebudayaan merentas bangsa dalam mengukuhkan kesepaduan sosial. Selain itu, perbincangan dan perbahasan berkaitan isuisu kontemporari dalam aspek ekonomi, politik, sosial, budaya dan alam sekitar daripada perspektif etika dan peradaban dapat melahirkan pelajar yang bermoral dan professional. Penerapan amalan Pendidikan berimpak tinggi (HIEPs) yang bersesuaian digunakan dalam penyampaian kursus ini. Di hujung kursus ini pelajar akan dapat menghubungkaitkan etika dan kewarganegaraan berminda sivik. |
| **MPU1043 Falsafah dan Isu Semasa**<br>Kursus ini merangkumi hubungan ilmu falsafah dengan Falsafah Pendidikan Kebangsaan dan Rukun negara. Kursus ini bertujuan agar pelajar dapat memahami domain falsafah sebagai alat untuk memurnikan budaya pemikiran dalam kehidupan melalui seni dan kaedah berfikir. Topik utama dalam falsafah iaitu logik, psikologi, epistemologi dan metafizik dibincangkan dalam konteks isu semasa. Penekanan diberi kepada falsafah sebagai asas bagi menjalin dialog antara budaya serta memupuk nilai sepunya. Perbincangan mengenai isu semasa akan dibincangkan dalam konteks domain falsafah meliputi Falsafah Pendidikan Kebangsaan dan Rukun Negara. Di akhir kursus, pelajar berupaya meneliti isu semasa dalam konteks Falsafah Pendidikan Kebangsaan dan Rukun Negara. |
| **SADN 1043 Hubungan Etnik**<br>Kursus ini akan membincangkan tentang konsep-konsep asas budaya dan hubungan etnik yang wujud di Malaysia. Para pelajar juga akan didedahkan dengan konsep hubungan etnik menurut perspektif Islam. Melalui pembelajaran kursus ini, hasrat kerajaan untuk mewujudkan masyarakat Malaysia menurut acuan Malaysia diharapkan akan mencapai matlamatnya. Selain itu, kursus ini juga diharapkan mampu memberi kefahaman kepada pelajar mengenai perkara global dalam hubungan budaya dan etnik di peringkat Malaysia dan Asia. |
| **SADE 1013 Asas Keusahawanan**<br>Kursus ini menekankan aspek pemupukan budaya keusahawanan di kalangan pelajar supaya mereka dapat menghayati nilai-nilai keusahawanan dalam kehidupan seharian. Pelajar akan diberi pendedahan terhadap asas-asas keusahawanan dari segi sejarah, konsep dan teori, dan pembangunan individu |

usahawan dari segi kemahiran-kemahiran dan gelagat untuk menjadi usahawan yang berjaya. Para pelajar juga didedahkan kepada pembangunan kemahiran kreatif dan inovatif yang membolehkan mereka mengenal pasti peluang-peluang perniagaan dan bukan perniagaan. Kursus ini juga akan mendedahkan pelajar kepada beberapa kaedah memulakan perniagaan yang dapat dimanfaatkan oleh peniaga-peniaga kecil dan sederhana.

**SBLE 2113** ***English Proficiency II***
This upper intermediate proficiency course emphasises the development of communication skills in an integrated manner using the four modes of speaking, listening, reading and writing. Students will be exposed to appropriate language used in social and educational settings. Students will learn to distinguish main ideas of reading and writing texts, express ideas spontaneously, and produce clear, detailed texts with justified viewpoints.

**SBLE 3123** ***English Proficiency III***
This advanced level proficiency course involves an integrated approach to language learning. Students will have further practice in social, academic and occupational interactions, and be able to initiate and sustain dialogues, convince listeners of their opinions and participate in interviews. Students will identify main ideas and supporting details and have further practice in sequencing ideas and events. Students will have further exposure to various genres of writing.

**SBLE3133** ***English for Small Group Communication***
This advanced course introduces students to the concepts and practices of communication process in small group contexts to be good team players.. It provides an overview of rules and strategies for problem solving, decision making and discussion techniques to develop communication skills. It also focuses on non-verbal language in small group communication. Oral presentations of small group discussions are emphasized throughout the course with a focus on real life situations. The core element of this course is problem solving process. Students identify problems, generating and implementing solutions, and confirming the elimination of the problem. The use of different critical thinking and information analysis skills such as reasoning are also included in the lesson.

**SBLE3143** ***Report Writing***
This is an advanced level course which exposes the students to different types and techniques of report writing. Students will be exposed to professional setting for later practice in real life. They will also learn about the techniques of written and oral communication as well as the general principles of writing and presenting reports effectively.

**SBLE3153** ***Hospitality English***
This is an advance English communicative skills course for the hospitality industry. The aim of the course is to provide students with the knowledge and skills to have proper conduct in hosting. Students will be exposed to various types of role plays, host-guest

encounters, giving presentation persuasively using appropriate language forms and functions.

**SBLE3163** ***Public Speaking Skills***

This course exposes students to the concepts and skills of effective public speaking. It incorporates both conceptual and practical aspects of public speaking. Students are taught the process of selecting topics, writing speeches and delivering speeches extemporaneously and spontaneously. The use of appropriate language and visual aids is also emphasised.

**SBLE3173** ***English for Professional Communication***

This is an advanced level course which introduces students to the types of communication involved in the workplace. The course provides opportunities for students to refine their written and oral communication skills to prepare them for real life working environment. Students will also be able to apply the skills appropriate to job interviews and meetings. Simulations and group presentations will be applied to expose students to professional working environment.

## TERAS PROGRAM

**SBLX 4998 Latihan Praktikum**

Kursus bersifat penempatan ini memberi pendedahan kepada pelajar mengenai operasi dan aktiviti sebenar di tempat kerja. Melalui latihan praktikum, pelajar dapat menggunakan pengetahuan linguistik dan teknologi maklumat yang dipelajari di universiti untuk dipraktikkan dalam proses pembangunan dan pengurusan harian sesebuah organisasi. Latihan ini juga akan mengembangkan dan mempertingkatkan kemahiran yang diperlukan oleh pelajar, di bawah bimbingan profesional dari pihak industri.

**SBLZ 4996 Projek Ilmiah**

Kursus ini memberi pendedahan kepada pelajar untuk melaksanakan asas penyelidikan dan pembangunan dengan mengaplikasi pengetahuan dan kemahiran linguistik dan teknologi maklumat bagi melengkapkan diri untuk menghadapi kerjaya profesional. Pelajar akan dipimpin untuk merancang, membangun dan menilai program / aplikasi yang bersesuaian dengan keperluan sesebuah organisasi. Pada akhir kursus ini, pelajar perlu menyampaikan pembentangan lisan mengenai projek yang dirancang.

## KOMPONEN MAJOR 1 – KESUSATERAAN KONTEMPORARI (Teras)

**SBLM1073 Evolusi Bahasa dan Sastera**

Kursus ini memperkenalkan sejarah dan asal usul bahasa dan sastera Melayu yang mengalami evolusi dan perkembangan kepada pelajar. Perincian tahap perkembangan bahasa dan sastera Melayu dibincangkan bermula daripada bahasa Melayu kuno sehinggalah ke bahasa Melayu moden. Peranan pertubuhan bahasa dan persuratan Melayu pramerdeka dan pascamerdeka turut dibincangkan

| |
|---|
| dalam memaparkan identiti budaya Melayu. Isu-isu kontemporari berkaitan bahasa dan sastera Melayu turut disentuh dalam kursus ini. |
| **SBLM3043 Penyelidikan Bahasa dan Sastera**<br>Kursus ini memperkenalkan konsep penulisan akademik dan aspek yang terkandung di dalamnya kepada pelajar. Melalui kursus ini pelajar akan dilatih cara menulis penyataan masalah, tinjauan kajian, metodologi kajian, dapatan kajian, perbincangan, kesimpulan, abstrak dan sistem dokumentasi APA. Selain itu pelajar juga dilatih cara menyunting teks ilmiah, mematuhi etika penulisan akademik dan cara mengelakkan plagiat. |
| **SBLM3053 Seminar Kreativiti dan Inovasi dalam Bahasa dan Sastera**<br>Kursus ini memperkenalkan kepada pelajar aspek kreativiti dan inovasi dalam pengajian bahasa dan sastera. Pelajar akan didedahkan dengan konsep kreativiti dan inovasi berdasarkan model kemahiran berfikir (aras tinggi), pembangunan kreatif, serta strategi pengajaran dan pembelajaran kreativiti dan inovasi dalam bahasa dan sastera berpandukan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM, 2013-2025). Selain ilmu teori, pelajar juga akan didedahkan dengan elemen praktikal berbentuk perancangan, penghasilan dan pembentangan seminar. |
| **SBLS1013 Karya Kreatif Agung**<br>Kursus ini memperkenalkan karya kreatif agung berbentuk puisi dan prosa yang merangkumi karya Timur dan Barat abad pertengahan sehingga abad ke-20 kepada pelajar. Penekanan diberikan tentang konsep, ciri, dan bentuk karya kreatif serta aspek *avant garde*, apresiasi puisi dan prosa agung. Pelajar juga berpeluang menghasilkan, mengadaptasi dan menulis semula karya kreatif agung. |
| **SBLS1023 Karya Kreatif Global**<br>Kursus ini memperkenalkan konsep, ciri dan bentuk karya kreatif secara global kepada pelajar. Kandungan kursus mencakupi sastera global dari dunia barat, timur, nusantara dan sastera di Malaysia secara khusus. Melalui ilmu yang dibekalkan, pelajar mampu menggubah karya yang bersifat kontemporari untuk memenuhi keperluan komersial dan konsumer semasa. |
| **SBLS1033 Karya Kreatif Popular**<br>Kursus ini memperkenalkan konsep karya kreatif popular kepada pelajar dengan memberi tumpuan kepada medan makna, penyimpangan, pelanggaran serta keunggulan teks. Selain itu, perbincangan melibatkan aspek realiti dan fiksyen dalam karya popular. Kursus ini juga turut membincangkan ruang dan peluang penerbitan karya popular dalam media baharu. Pada akhir kursus pelajar akan menghasilkan dan menerbitkan karya kreatif popular. |
| **SBLS2013 Karya Kreatif Elektronik**<br>Kursus ini memberi pendedahan kepada pelajar mengenai konsep karya kreatif elektronik. Aspek yang diberikan tumpuan ialah binaan unsur struktur luaran dan dalaman karya kreatif elektronik, serta penekanan kepada aspek persembahan |

| |
|---|
| berbentuk multimedia. Pelajar juga akan didedahkan dengan persembahan dan proses penghasilan karya atau produk dalam pelbagai bentuk media. |
| **SBLS2023 Proses Pengkaryaan Karya Kreatif**<br>Kursus ini dirangka untuk membincangkan proses pengkaryaan karya bagi genre kreatif. Perbincangan bertumpu kepada aspek penguasaan bahasa dan struktur karya, dan pencernaan idea kreatif. Pelajar juga akan diberikan kefahaman tentang perancangan dan penulisan karya dan penciptaan karya. Pada akhir kursus, pelajar dikehendaki menghasilkan karya bagi tujuan penerbitan dalam pelbagai media sama bercetak atau elektronik. |
| **SBLS2033 Warna Dan Gaya Bahasa Karya Kreatif**<br>Kursus ini akan memperkenalkan asas ilmu gaya bahasa kepada pelajar. Pendedahan aspek gaya bahasa akan memberi manfaat kepada kesan pemakaian bahasa dalam menyampaikan fikiran dan perasaan, sama ada secara lisan atau bertulis. Pelajar akan didedahkan dengan konsep, erti dan makna, serta ragam dan variasi dalam gaya bahasa. Analisis gaya bahasa dalam karya kreatif dikendalikan berdasarkan teks sastera pilihan. |
| **SBLS2043 Gagasan Kepengarangan Karya Kreatif**<br>Kursus ini memberikan pengetahuan dan kefahaman kepada pelajar berkenaan aspek kepengarangan karya kreatif. Perbincangan bertumpu kepada proses kreatif dan keunggulan pengarang serta karya sastera. Selain itu, pelajar diberikan pendedahan tentang etika dan akta dalam penghasilan karya. Pelbagai pendekatan dalam kepengarangan akan didedahkan agar karya yang dihasilkan sesuai dengan khalayak dan lingkungan. |
| **SBLS3013 Teori Dan Teks**<br>Kursus ini mendefinisikan makna kritikan dan asas kritikan yang digunakan dalam penelitian karya sastera. Pelajar akan diperkenalkan dengan pelbagai teori dan jenis kritikan karya sastera. Seterusnya, pelajar didedahkan dengan kaedah mengkritik dan menerap teori serta melaksanakan kritikan amali. Pelajar akan dapat menilai karya berdasarkan pendekatan yang dipilih. |
| **SBLS3023 Terjemahan Sastera**<br>Kursus ini memperkenalkan takrif, asas dan teori utama terjemahan kepada pelajar. Turut dibincangkan adalah proses, teknik serta strategi terjemahan, khususnya dalam genre teks kreatif. Pelajar akan didedahkan kepada masalah utama yang sering dihadapi oleh penterjemah semasa menterjemah teks sastera kreatif, terutamanya dari aspek bahasa dan konteks budaya. Tumpuan diberikan kepada prosa, puisi dan drama. Perbandingan teks terjemahan juga termuat dalam kursus ini. |
| **SBLS4013 Pengurusan Dan Pemasaran Karya Sastera**<br>Kursus ini membincangkan aspek pengurusan seni persembahan pelbagai genre kreatif. Pelajar didedahkan dengan perkembangan seni persembahan tradisi dan moden. Kursus ini juga memberi pengetahuan berhubung pengurusan persembahan yang melibatkan penaung, dana, dan badan produksi industri kreatif negara. Pada |

akhir kursus pelajar disediakan dengan kemahiran mengurus persembahan seni kreatif secara berkumpulan.

| ELEKTIF MAJOR PERTAMA |
|---|
| **SBLS3033 Estetik Karya Kreatif**<br>Kursus ini bertujuan memberikan gambaran umum tentang estetik karya kreatif, konsep estetik, fungsi serta kategori estetik kepada para pelajar. Pelajar juga akan turut diberikan pendedahan berhubung unnsur estetik, iaitu bentuk, teks, khalayak, pengarang dan latar. Kursus ini juga turut membincangkan estetik dunia Timur, Barat, Melayu dan Islam. Pada akhir kursus pelajar akan menilai dan menghasilkan ulasan dan kritikan karya kreatif. |
| **SBLS3043 Karya Media Baru**<br>Kursus ini memberikan fokus kepada aspek saling melengkapi antara karya kreatif dengan media baru. Kandungan kursus membincangkan jenis dan sumbangan media dalam penyebaran karya kreatif. Pelajar akan didedahkan dengan peranan pelbagai multimedia, inovasi, dan adaptasi yang sesuai dengan keperluan pembentukan jati diri bangsa. Komponen keusahawanan dan kelangsungan karya kreatif juga ditekankan kerana bidang ini memberikan nilai tambah kepada pelajar. |
| **SBLS 3053 Retorik Karya Kreatif**<br>Kursus ini memberikan pengetahuan tentang ilmu retorik untuk diaplikasikan dalam karya kreatif. Pelajar akan didedahkan dengan sejarah, klasifikasi retorik serta unsur yang membina ilmu retorik, iaitu reka cipta, penyusunan, gaya, ingatan dan penyampaian. Selain itu, pelajar juga akan membincangkan beberapa strategi retorik dalam karya kreatif. Pada akhir kursus ini, pelajar akan menilai dan menghasilkan karya menggunakan disiplin retorik yang bersesuaian. |
| **SBLS3063 Karya Kreatif Dan Pembangunan Modal Insan**<br>Kursus ini meneroka konsep sastera dan kesusasteraan secara global, serta pembangunan modal insan dalam konteks nasional. Pembangunan yang merangkumi pembangunan diri; mental dan fizikal, serta pembangunan khusus yang disebut sebagai pembangunan modal insan. Kursus ini membincangkan karya-karya terpilih yang mengungkapkan pemikiran berkaitan pembangunan modal insan yang mencakupi bidang politik, keagamaan dan kemanusiaan. |
| **SBLS3073 Silang Budaya Dalam Karya Kreatif**<br>Kursus ini membincangkan falsafah silang budaya dengan memberi tumpuan kepada nilai, etika, dan jati diri. Pelajar akan mempelajari unsur penyerapan, penolakan dan pengubahsuaian nilai dan budaya dalam karya. Karya kreatif yang dikaji adalah karya agung Melayu, Nusantara dan karya kontemporari. Pelajar dikehendaki menilai falsafah silang budaya dalam karya kreatif. |
| **SBLS3083 Kritikan Karya Kreatif**<br>Kursus ini bertujuan menganalisis karya kreatif secara sistematik. Pelajar diberi pendedahan tentang aspek kesatuan dan aspek organik dalam karya, kekuatan idea dan bahasa, serta keindahan moral dan kemanusiaan. Selain itu, kursus ini juga |

| |
|---|
| merungkai aspek inovasi dan kreativiti dalam karya. Pada akhir kursus pelajar akan melakukan penelitian karya kreatif terpilih secara kritis dan analitis. |
| **SBLS3093 Mitos, Arketip Dan Majas Dalam Teks Kontemporari**<br>Kursus ini akan meneroka konsep mitos, arketip dan majas dalam karya sastera dan kelangsungan guna konsep-konsep tersebut dalam penciptaan karya kontemporari, termasuk dalam media visual seperti filem, drama televisyen dan komik, serta karya bertulis. Pelajar akan didedahkan dengan kedinamikan arketip dan mitos dalam budaya masyarakat kontemporari. Selain itu, pelajar akan mengkaji tema silang budaya dalam bidang pencerekaan semasa yang berkait dengan kelangsungan majas dalam mitos dan cerita rakyat (*fairy tales*). |
| **SBLS3103 Budaya Dan Falsafah Karya Kreatif**<br>Kursus ini memperkenalkan konsep budaya dan falsafah dalam karya kreatif yang meliputi pandangan hidup yang melibatkan sejarah, sosial, politik, dan budaya. Pelajar akan didedahkan dengan falsafah global, budaya Islam dan tokoh falsafah. Pada akhir kursus ini pelajar dapat menganalisis falsafah dan budaya dalam karya. |